



MASYARAKAT dilihat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dengan memakai pelitup muka semasa berada di tempat awam sebagai langkah pencegahan Covid-19 ketika tinjauan di sekitar pusat bandar Labuan, semalam.

PKP 2.0 BAHAYA GELOMBANG KE-3

Strategi tegas kerajaan elak jangkitan kes harian mencecah 5,000 sehari pada minggu kedua April

Oleh Maiamalina Mohamed Amin dan Suraya Roslan
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pendekatan lebih tegas diambil kerajaan ketika ini dalam menangani penularan kes Covid-19 berikutan nilai R atau R-Naught semasa pada paras 1.1 kadar kebolehhajatan dengan unjuran kes harian dijangka mencecah 5,000 kes sehari pada minggu kedua April 2021.

"Dan ia akan melonjak kepada 8,000 kes sehari pada minggu keempat bulan Mei 2021. Semakin tinggi nilai R ini, semakin sukar untuk mengawal penularan kerana setiap hari sehinggalah rekod dijangkiti," kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menurutnya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama pada Mac lalu sudah berjaya menurunkan nilai R kepada 0.335, sekali gus mengurangkan kes jangkitan Covid-19 kepada angka satu hingga dua digit sehari.

Untuk itu, beliau berkata, kerajaan bersetuju dengan

pandangan bahawa satu tindakan tegas perlu diambil untuk memutuskan rantaian jangkitan penularan virus Covid-19 dalam gelombang ketiga ketika ini.

"(Tindakan) juga selepas mengambil kira penilaian risiko dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta pelbagai kementerian dan agensi serta nasihat pakar-pakar kesihatan awam di dalam negara," katanya.

Malaysia mula merekodkan kes harian empat digit bagi Covid-19 pada 24 Oktober 2020 iaitu sejumlah 1,228 kes dan bermula penghujung November 2020, fenomena kes harian empat digit wabak itu berterusan setiap hari sehinggalah rekod tertinggi yang dilaporkan pada 7 Januari lalu dengan 3,027 kes.

Muhyiddin berkata, dalam gelombang ketiga yang bermula 20 September 2020, data menunjukkan berlaku peningkatan ketara bilangan kluster berbanding ketika gelombang kedua yang keseluruhannya terdapat 586 kluster

setakat 10 Januari lalu.

"Sebanyak 48.46 peratus adalah kluster melibatkan tempat kerja dengan 254 kluster masih aktif manakala, 332 kluster diisytiharkan tamat.

"Sepanjang tempoh gelombang ketiga penularan jangkitan di Malaysia, trend kes import didapati terkawal tetapi kes-kes penularan tempatan terus meningkat melibatkan golongan bukan warganegara dan warganegara," katanya.



MUHYIDDIN menyampaikan perutusan khas yang disiarkan secara langsung di stesen televisyen tempatan, semalam.



KAKITANGAN kesihatan membuat ujian saringan Covid-19 di Klinik Ajwa, Shah Alam, semalam.

Enam negeri diarah PKP

Kuala Lumpur: Petugas barisan hadapan semakin penat dan kesihatan awam negara semakin tenat. Rumusan itu dibuat Perdana Menteri Tan Muhyiddin Yassin, semalam ketika mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama 14 hari bermula Rabu ini.

Menurutnya, PKP 2.0 itu sehingga 26 Januari akan membabitkan tiga peringkat pelaksanaan dengan pertama, PKP ke atas enam negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah.

"Kedua, PKP Bersyarat (PKPB) ke atas enam negeri iaitu Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan, manakala ketiga, PKP Pemulihan (PKPP) pula akan dilaksanakan bagi negeri Perlis dan Sarawak dan akan diteruskan sepanjang tempoh

tersebut," katanya.

Katanya, peningkatan jumlah pesakit secara mendadak akan melumpuhkan kapasiti sistem kesihatan sedia ada dalam sekelip mata dan ia tidak lagi mampu untuk menampung jumlah pesakit yang memerlukan rawatan dan kes kematian akan terus meningkat.

Beliau juga memberitahu kerajaan bersetuju untuk menguatkuasakan larangan pergerakan rentas negeri di seluruh negara, manakala pergerakan rentas daerah dilarang bagi kawasan PKP.

Katanya, semua aktiviti sosial yang membabitkan perkumpulan beramai-ramai seperti kenduri kahwin, persidangan, mesyuarat, seminar, kursus, sukan dan perarakan keagamaan termasuk Thaipusam yang jatuh pada 28 Januari tidak dibenarkan.

"Aktiviti sosial itu dibenarkan untuk negeri di bawah pelaksanaan PKPP, namun tertakluk kepada pematuan prosedur operasi standard (SOP)

yang ketat.

"Susulan larangan pergerakan merentas negeri dan daerah ini, operasi sekatan jalan raya (SJR) akan mula berkuat kuasa pada jam 12.01 tengah malam, Rabu, 13 Januari 2021. Bagi negeri yang dilaksanakan PKP, pergerakan anda adalah terhad di dalam 10 kilometer radius sahaja.

"Bagi tujuan membeli barangan keperluan dari pasar raya atau kedai runcit yang berdekatan, hanya dua anggota isi rumah yang dibenarkan keluar dan berada di dalam kenderaan yang sama," katanya.

Bagaimanapun, akunya, pencegahan paling utama adalah dengan diri sendiri dengan rakyat perlu melakukan amalan mencuci tangan menggunakan sabun secara kerap, gunakan cecair pensanitasi sekiranya tiada punca air berdekatan, memakai pelitup muka ketika berada di tempat awam, jaga jarak fizikal dan elakkan daripada bersentuhan.

Ujian klinikal disertai 3,000 sukarelawan

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Kajian Klinikal Fasa 3 Vaksin Covid-19 akan bermula 21 Januari ini di sembilan hospital milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah kelolaan Pusat Kajian Klinikal masing-masing.

Katanya, Malaysia juga dijangka menerima bekalan vaksin Pfizer untuk fasa pertama pada hujung Februari depan.

"Kajian klinikal yang pertama dilakukan di Malaysia ini dijangka akan melibatkan seramai 3,000 sukarelawan dan Malaysia bakal menjadi negara pertama di luar negara China untuk kajian calon vaksin *inactivated Covid-19* buatan *Institute of Medical Biology Chinese Academy of Medical Sciences, China (IMBCAMS)* ini.

"Semua keperluan regulatori termasuk kelulusan etika dari *Medical Review & Ethics Committee (MREC)* dan akhir sekali, *Clinical Trial Import License (CTIL)* dari NPRA (Bahagian Regulatori Farmasi Negara) telah diperolehi pada 8 Januari 2021.

"Selain itu NPRA juga sudah meluluskan pendaftaran Vaksin Covid-19 yang dihasilkan syarikat farmaseutikal, Pfizer dan Malaysia dijangka menerima bekalan fasa pertama vaksin itu pada hujung Februari ini, Insha-Allah," katanya dalam Perutusan Khas Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurutnya, KKM membangunkan Pelan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan sebagai persediaan awal bagi memastikan pengalihan vaksin Covid-19 kepada rakyat berjalan lancar

apabila bekalan diperoleh kelak.

Muhyiddin berkata, bagi mencapai imuniti kelompok, sebanyak 20 hingga 23 juta populasi Malaysia perlu diberikan vaksin Covid-19.

"Buat masa ini, kerajaan telah pun menandatangani perjanjian awal dengan fasiliti Covax, syarikat Pfizer dan AstraZeneca bagi perolehan vaksin Covid-19 untuk mendapatkan jaminan bekalan vaksin sebanyak 40 peratus liputan populasi.

"Kerajaan juga sedang dalam proses rundingan akhir dengan Sinovac, CanSino dan Gamaleya bagi mendapatkan jaminan bekalan vaksin bertambah melebihi 80 peratus jumlah populasi negara atau 26.5 juta," katanya.

Katanya, kerajaan akan memastikan hanya vaksin yang memenuhi ciri-ciri keselamatan, berkualiti dan berkesan akan didaftarkan dan digunakan di Malaysia.

"Proses penilaian ini dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Produk NPRA untuk kelulusan dan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah bagi tujuan pendaftaran sebelum vaksin Covid-19 boleh digunakan di Malaysia," katanya yang mengingatkan seluruh rakyat supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) mencegah penularan wabak.

Muhyiddin

Boleh bungkus makanan bawa pulang

Kuala Lumpur: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 ke atas enam negeri hanya membenarkan kedai makan dan gerai penjaja beroperasi untuk perkhidmatan bawa pulang selain perkhidmatan *essential*.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kedua-dua jenis perniagaan berkenaan boleh beroperasi seperti biasa dengan

pematuan terhadap prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi kawasan dikenakan PKP Bersyarat dan PKP Pemulihan.

Katanya, secara keseluruhan, perkhidmatan penghantaran makanan adalah sektor yang dibenarkan, bersama pasar raya, perkhidmatan kesihatan termasuk klinik, hospital dan farmasi serta bank yang boleh beroperasi di kawasan PKP pada tahap berjaga-jaga.

"Patuhi SOP ketika berada di tempat-tempat ini seperti memakai pelitup muka dengan betul, jaga penjarakan fizikal dan kerap gunakan hand sanitizer.

Sekiranya tidak ada keperluan segera atau mendesak, tidak perlulah keluar rumah. *Stay at home*," katanya dalam Perutusan Khas Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang disiarkan menerusi stesen televisyen,

semalam.

Beliau juga memberi jaminan bekalan di semua sektor peruncitan adalah mencukupi seperti disemak Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Katanya, pemantauan terhadap barangan keperluan pengguna seperti gula, minyak masak, tepung gandum, beras, roti putih, susu tepung, ayam, sayur-sayuran, telur, bawang, hand sanitizer dan pelitup muka pula akan dilakukan setiap hari.

PM jamin bekalan di semua sektor peruncitan adalah mencukupi



ORANG ramai mengikut perutusan khas yang disampaikan Perdana Menteri, semalam.